

**Daripada** : Unit Peperiksaan & Penerbitan  
**Kepada** : Pensyarah UiTM Cawangan Pulau Pinang  
**Tarikh** : 8 Julai 2025  
**No. Memo** : HEA/2025 – 004(10)  
**Perkara** : Tarikh dan Maklumat Penting Peperiksaan Akhir Julai 2025

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Merujuk kepada Kalendar Akademik Sesi II 2024/2025 bagi Program Pra-Diploma, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran bertarikh 17 April 2025 yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwat Akademik (BHEA), UiTM Shah Alam, dimaklumkan bahawa tarikh Peperiksaan Akhir Julai 2025 mulai dari 21 Julai hingga 10 Ogos 2025.

Sila ambil maklum perkara – perkara berikut:-

### 1) Tarikh Penting Berkaitan Peperiksaan

| Perkara/Proses                                                                                            | Tarikh                                             |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------|
| Minggu ulang kaji                                                                                         | 14 - 20 Julai 2025                                 |
| Taklimat Peperiksaan<br>(Secara Dalam Talian)                                                             | 17 Julai 2025<br>(10.30 pagi)                      |
| <b>Tarikh akhir muat naik markah ke dalam Sistem eRES</b>                                                 | <b>13 Ogos 2025<br/>(sebelum jam 12.00 t/hari)</b> |
| Mesyuarat Pra – JAN                                                                                       | 14 - 15 Ogos 2025                                  |
| Mesyuarat JAN                                                                                             | 18 Ogos 2025                                       |
| Tarikh Akhir Penjanaan Semula HPNG Tanpa Kursus<br>Gagal (Tebus Tampil) – Major Result Run UiTM CPP       | 19 Ogos 2025                                       |
| <b>Tarikh akhir penghantaran skrip jawapan pelajar<br/>dan Salinan LE15 (selepas Mesyuarat Pra – Jan)</b> | <b>14 - 29 Ogos 2025</b>                           |
| Keputusan Penilaian Akademik Julai 2025 diumumkan                                                         | 4 September 2025                                   |

### 2) Sistem eRES dan Penghantaran LE15

- Sistem eRES merupakan platform rasmi yang digunakan oleh pensyarah dan jurulatih kokurikulum untuk memuat naik markah penilaian dan peperiksaan akhir pelajar. Sistem eRES boleh diakses melalui pautan berikut:  
<https://eres.uitm.edu.my/estaff/eres/login.htm>
- Bagi tujuan simpanan rekod dan rujukan, pensyarah dan jurulatih kokurikulum adalah **DIMESTIKAN** untuk memuat turun borang LE15 dan *rawscore* setelah selesai proses memuat naik markah ke dalam sistem.
- Dokumen tersebut hendaklah dicetak, disah dan diserahkan dalam bentuk *hardcopy* ke Unit Peperiksaan & Penerbitan. Pengesahan dokumen tersebut perlu dilakukan oleh dua (2) pihak, iaitu:
  - Tandatangan pensyarah/jurulatih yang mengajar, dan
  - Tandatangan pihak kedua yang terdiri daripada KPP/KP/RP/LIC.
- Dokumen berkenaan hendaklah dihantar **selepas tarikh Mesyuarat Pra-JAN** bagi memastikan semakan kedua dapat dilaksanakan dengan sempurna dan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

### 3) Prosedur Pengendalian Skrip Jawapan Pelajar Peperiksaan Akhir dan Semakan Oleh Pemeriksa Kedua

- Semakan kedua (termasuk semakan bersama) perlu dilakukan bagi kursus yang mempunyai komponen peperiksaan/ penilaian akhir namun dikecualikan bagi penilaian akhir berbentuk *True False/ Multiple Choice Question*.

#### Pelantikan Pemeriksa Kedua

- Ketua Pusat Pengajian (KPP) bertanggungjawab melantik Pemeriksa Kedua bagi setiap kursus yang berkaitan.

#### Proses Semakan Kedua

- Pemeriksa Kedua perlu menyemak semula skrip jawapan pelajar secara rawak/sampel bagi setiap kod kursus yang telah ditetapkan.
- Maklumat hasil semakan skrip jawapan pelajar hendaklah direkod dengan lengkap (ditandatangani pada ruangan pemeriksaan kedua di muka hadapan skrip jawapan pelajar) dan disahkan menggunakan **Borang A: Borang Semakan Markah Pemeriksa Kedua (rujuk lampiran 1)**.

#### Jumlah Skrip Untuk Semakan

- Pemilihan sampel skrip jawapan hendaklah sekurang-kurangnya 10% atau 3 skrip, yang mana lebih tinggi, untuk setiap kod kursus yang diajar oleh setiap pensyarah.

#### Kursus dengan Lebih Daripada Satu (1) Kumpulan

- Untuk kod kursus yang melebihi dari 1 kumpulan, pemilihan sampel skrip jawapan mestilah dipilih daripada setiap kumpulan.

#### Penyerahan Dokumen

- Semua dokumen semakan kedua hendaklah diserahkan bersama dengan sampul skrip jawapan pelajar kepada Unit Peperiksaan **sebelum 29 Ogos 2025**.

### 4) Kemaskini Kursus Terma 99999

- KPP/KP/PA bertanggungjawab membuat semakan dan mengemaskini kursus pada Terma 99999 kepada Terma 88888 khususnya bagi pelajar semester akhir yang akan bergraduat pada semester ini (**rujuk lampiran 2**).
- Semakan silang (*cross-checking*) hendaklah dilakukan secara teliti dan menyeluruh bagi mengelakkan sebarang kesilapan dalam proses pengemaskinian data pelajar.
- Sebarang kegagalan atau kecuaiian dalam pengemaskinian terma ini boleh mengakibatkan tindakan susulan termasuk pengeluaran surat tunjuk sebab oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik (TNCAA) kepada pihak yang terlibat.

### 5) Penglibatan dan Proses Validasi Dalam Mesyuarat Pra-JAN

- Semasa proses validasi markah di peringkat Mesyuarat Pra-JAN, semakan markah perlu dilaksanakan dengan merujuk serta memadankan data daripada maklumat di dalam borang LE15.
- Dalam proses ini, pensyarah yang mengajar dikehendaki meneliti senarai nama pelajar dan menanda (✓) pada dokumen LE15 sebagai bentuk pengakuan dan pengesahan terhadap ketepatan markah yang dimasukkan. Di atas justifikasi ini, penghantaran dokumen mesti dibuat **selepas tarikh Mesyuarat Pra-JAN** diadakan di peringkat fakulti masing-masing.
- Kehadiran pensyarah yang mengajar kursus tersebut adalah amat penting bagi memastikan proses pengesahan markah dijalankan dengan teliti, tepat, dan telus.

**6) Makluman Operasi Unit Peperiksaan & Penerbitan Semasa Peperiksaan Akhir**

- Dimaklumkan bahawa Unit Peperiksaan & Penerbitan akan beroperasi pada hari Sabtu dan Ahad sepanjang tempoh peperiksaan akhir bagi memastikan kelancaran pengurusan dan sokongan berkaitan peperiksaan.
- Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan lanjut, pihak tuan/puan boleh menghubungi Unit Peperiksaan & Penerbitan melalui talian 04-382 3193 atau emel rasmi di [resexam@uitm.edu.my](mailto:resexam@uitm.edu.my).

Sekian.



**PROF. MADYA Ir. Ts. Dr. HAJAH SITI NORAINI SULAIMAN**

Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik)

**MUKA SURAT 3/3**

*Bahagian Hal Ehwal Akademik*

*Academic Affairs Division*

**Universiti Teknologi MARA**

Cawangan Pulau Pinang

Kampus Permatang Pauh

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, MALAYSIA

Tel : +604-3822807 Faks: +604-382 2812

Emel : [heapenang@uitm.edu.my](mailto:heapenang@uitm.edu.my)



Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh  
Kampus Bertam

## BORANG SEMAKAN MARKAH PEMERIKSA KEDUA

Saya .....dengan ini mengesahkan  
(Nama dan No. Pekerja)  
telah menjadi pemeriksa kedua bagi:

|                   |  |
|-------------------|--|
| Kod Kursus        |  |
| Peperiksaan Akhir |  |

Senarai skrip jawapan yang telah dibuat oleh pemeriksa adalah:

| Bil. | No. Pelajar | Program /Kumpulan | Markah Pemeriksa Pertama | Markah Pemeriksa Kedua | Perbezaan Markah | Markah Akhir (selepas moderasi) |
|------|-------------|-------------------|--------------------------|------------------------|------------------|---------------------------------|
| 1.   |             |                   |                          |                        |                  |                                 |
| 2.   |             |                   |                          |                        |                  |                                 |
| 3.   |             |                   |                          |                        |                  |                                 |
| 4.   |             |                   |                          |                        |                  |                                 |
| 5.   |             |                   |                          |                        |                  |                                 |
| 6.   |             |                   |                          |                        |                  |                                 |

Ulasan Pemeriksa Kedua:

.....  
.....  
.....

(.....)

**Tandatangan Pemeriksa Kedua**

Tarikh: .....

Tindakan Pemeriksa Pertama (sekiranya perlu):

.....  
.....  
.....

(.....)

**Tandatangan Pemeriksa Pertama**

Nama : .....

No. Pekerja : .....

Tarikh : .....

**Nota:** Borang ini hendaklah dimasukkan ke dalam Sampul Skrip Jawapan Pelajar. Satu salinan borang ini hendaklah diserahkan kepada KPP/KP/RP/LIC untuk simpanan.



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh  
Kampus Bertam

**Proses**

***Terms 88888***  
***Terms 99999***

Proses ini hanya  
dilakukan untuk pelajar yang  
dijangka tamat (Graduating  
Student) dan SML.

## Roles Menu

Extract All / Close All

- 0.0 SELENGGARA PARAMETER
- ☞ 1.0 PENDAFTARAN KURSUS
  - ☞ 1.1 Pendaftaran Kursus Individu
    - ☞ 1.1.1 Kebenaran Kursus Pra Sy
    - ☞ 1.1.2 Kebenaran Lebih Unit Kre
    - ☞ 1.1.3 Kebenaran Kursus Bahag
    - ☞ 1.1.4 Kebenaran Kursus Bertin
    - ☞ 1.1.5 Kebenaran Pengguguran
    - ☞ 1.1.6 Kebenaran Menukar Kurs
    - ☞ 1.1.7 Jejak Audit Pendaftaran K
  - ☞ 1.2 Pelan Induk
    - ☞ 1.1.9 Buang Header Tanpa Kurs
  - ☞ 1.3 Pelan Terperinci
    - ☞ 1.4.1 Pendaftaran Kursus Semi
  - ☞ 1.5 Kemaskini Bahagian Pelajar
  - ☞ 1.6 Kemaskini Pelan Induk Pela
  - ☞ 1.7 Semakan Pelan Terperinci F
  - ☞ 1.8.1 Pengecualian Kredit
  - ☞ 1.9 Pemindahan Kredit
  - ☞ 1.10 Akaun Student Portal
  - ☞ 1.11 Selenggara Kumpulan Keli
  - ☞ 1.15 Kebenaran EET
  - ☞ 1.16 Kemaskini No Taken
- ☞ 2.0 PENASIHAT AKADEMIK
- ☞ 3.0 LAPORAN PENDAFTARAN P
- ☞ 4.0 LAPORAN AM
- ☞ 5.0 JADUAL WAKTU PEPERIKS.
- ☞ 6.0 PROSES MARKAH & CGPA
- ☞ 7.0 LAPORAN PEPERIKSAAN
- ☞ 8.0 ANALISIS PEPERIKSAAN

## Langkah 1

log in Student Information  
Management System  
(SIMS)



## Langkah 2


pilih menu 1.7  
*Semakan Pelan  
Terperinci  
Pelajar*





UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh  
Kampus Bertam



## Langkah 3

### Masukkan No Pelajar:

**SEMAKAN KURSUS PELAJAR**

Student ID

Name  \*Use %SITI% or %SITI or SITI% to search by name

IC Number  Read MyKAD

Semester

Campus

Faculty

Program Level

Program

Study Mode

Part

Order By   Ascending

View Student

Search...

klik 'search'



UNIT PEPERIKSAN & PENERBITAN



| Search Result                                        |            |                                      |             |        |                      |
|------------------------------------------------------|------------|--------------------------------------|-------------|--------|----------------------|
| Pages 1 of 1 - Record No 1 to 1 from 1 record founds |            |                                      | << Previous |        | Next >>              |
| No                                                   | Student No | Student Info                         | Program     | Status | Action               |
| 1.                                                   | 2020470246 | NURUL SYAFIQAH ASYIKIN BINTI FIRDAUS | K - IM244   | 4C     | <a href="#">View</a> |
| Pages 1 of 1                                         |            |                                      | << Previous |        | Next >>              |

Langkah 4

Klik View

Sila tunggu. Proses memaparkan laporan akan dimulakan sebentar lagi...  
Jangan Tutup Browser ini Sehingga Proses Selesai  
11:07:14:185



ID:2020470246

=====

PROCESSING DATA FOR STUDENT SEMAKAN\_KURSUS - 11:07:14:185

=====

Maklumat selesai diproses. Sila Klik butang dibawah untuk mencetak. 11:07:14:201

#### Announcement


Please Click Button to Print Your List

Display Now



Klik  
"Display Now"

Langkah 5





| (F) KURSUS TERKUMPUL (99999) |                                                   |       |         |            |                            |
|------------------------------|---------------------------------------------------|-------|---------|------------|----------------------------|
|                              |                                                   |       |         |            | Hapus Kursus ke Term 88888 |
| Bil                          | Kod Kursus                                        | Jenis | B.Ambil | Jam Kredit | Pilih                      |
| 1                            | IMC690 - INDUSTRIAL TRAINING [K-IMC690 PP-785283] | B     | 1       | 12.0       | <input type="checkbox"/>   |

## Langkah 6

### - Menyemak pelan pengajian pelajar

'Tick' pada kotak pilih dan Klik pada Hapus ke Term 88888

Semak samada pelajar telah mengambil dan lulus kursus tersebut. Jika pelajar telah mengambil kursus tersebut dan telah lulus, kursus tersebut perlu dipindahkan ke (E) KURSUS TERM 88888.

**ATAU**

Kursus tersebut adalah kursus elektif dan pelajar telah memilih kursus elektif yang lain, DAN LULUS kursus tersebut perlu juga dipindahkan ke (E) KURSUS TERM 88888

*p/s -Untuk Kursus Ko-kurikulum , pelajar Diploma perlu mengambil 3 kali Ko-kurikulum sepanjang pengajian dimana semester pertama mesti mengambil kursus badan beruniform.*



## UNIT PEPERIKSAN & PENERBITAN

| (E) KURSUS TERM 88888 |       |                                            |       |            |                               |
|-----------------------|-------|--------------------------------------------|-------|------------|-------------------------------|
|                       |       |                                            |       |            | Masukkan Kursus Ke Term 99999 |
| No                    | ID    | Kod Kursus                                 | Jenis | Jam Kredit | Pilih                         |
| 1                     | 88888 | UED101 - MATHEMATICAL THINKING FOR NOVICES | B     | 0.0        | <input type="checkbox"/>      |

*Pastikan TIADA sebarang kursus berada dalam (F) Kursus Terkumpul (99999) bagi pelajar yang dijangka TAMAT*


| (F) KURSUS TERKUMPUL (99999) |            |       |         |            |                            |
|------------------------------|------------|-------|---------|------------|----------------------------|
|                              |            |       |         |            | Hapus Kursus ke Term 88888 |
| Bil                          | Kod Kursus | Jenis | B.Ambil | Jam Kredit | Pilih                      |
|                              |            |       |         |            |                            |

**TAHNIAH Proses Telah Berjaya**



*Sebarang pertanyaan boleh hubungi Unit  
Peperiksaan dan Penerbitan di talian*

**04-382 2891**



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh  
Kampus Bertam